

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATUK DR. HAJI ABD. LATIF BIN HAJI AHMAD (MERSING)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.03.2017

Y.B. DATUK DR. HAJI ABD. LATIF BIN HAJI AHMAD [MERSING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah tangkapan serta dakwaan dibuat oleh Jabatan Kastam Diraja sejak GST diperkenalkan bagi memastikan kutipan GST berjalan lancar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 316 kes telah dibawa ke mahkamah sesyen untuk pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 seperti berikut:

- a. 2 kes berkaitan mempamerkan harga barangan yang tidak selaras dengan peruntukan Seksyen 9, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 iaitu hendaklah termasuk bayaran GST yang dikenakan (*GST inclusive*);
- b. 30 kes berkaitan butiran penuh invois cukai di bawah Seksyen 33, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 seperti tiada nombor pendaftaran GST;
- c. 261 kes berkaitan kegagalan menghantar penyata dan membayar GST mengikut tempoh iaitu setiap bulan atau setiap suku tahunan di bawah Seksyen 41, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;
- d. 22 kes berkaitan pendaftaran GST di mana pendaftaran dilakukan terlewat daripada tempoh yang sewajarnya di bawah Seksyen 184, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014; dan
- e. 1 kes berkaitan kesalahan pembayaran, invois dan pengimportan sebelum tarikh efektif di bawah Seksyen 183, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Kesemua kes ini telah didakwa dan dijatuhkan hukuman denda di mana jumlah keseluruhan denda yang terlibat ke atas kes tersebut adalah sebanyak lebih RM1.4 juta.